

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**AMALAN SULH DALAM NORMA BAHARU DI BRUNEI DAN MALAYSIA**

**[THE PRACTICE OF SULH IN THE NEW NORM IN BRUNEI AND MALAYSIA]**

NURZAKIAH RAMLEE<sup>1</sup>  
NURUL HIKMAH HIDZAM @ MUHD BUKHARI<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, BE1311 Negara Brunei Darussalam Brunei Darussalam

\*Corresponding author: nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn

Received Date: 2 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

**Abstrak**

Pertikaian antara suami dan isteri merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan dalam sebuah ikatan perkahwinan. Penyelesaian terhadap pertikaian ini tertakluk kepada budi bicara kedua belah pihak yang terlibat sama ada dengan perbincangan tertutup antara kedua belah pihak sahaja atau dihadapkan ke mahkamah Syariah jika tiada kata perdamaian dicapai dalam proses pra-bicara tuntutan yang dihadapkan iaitu majlis Sulh. Dari segi perundangan, proses Sulh akan dijalankan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh mahkamah Rendah Syariah dan diadakan sesi perjumpaan secara fizikal yang terdiri daripada kedua pihak yang bertikai dan pegawai Sulh sahaja. Sejak pandemik Covid-19 menular di seluruh dunia pada tahun 2020, majoriti aktiviti secara fizikal tidak dapat dilaksanakan dan diganti dengan aktiviti secara atas talian. Proses majlis Sulh juga tidak ketinggalan menghadapi situasi tersebut. Semenjak menularnya covid-19 proses majlis Sulh hanya boleh diadakan secara atas talian demi menjaga kemaslahatan dari segi kesihatan semua pihak yang terlibat dalam proses majlis Sulh tersebut. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk meninjau kelancaran perjalanan proses majlis Sulh di Brunei Darussalam dan Malaysia sama ada ia berjalan dengan lancar dalam norma baharu dan mencapai objektif majlis Sulh. Metodologi kajian adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan teknik analisis dokumen dan statistik. Melalui analisis dokumen, data yang diperoleh dari bahan bertulis akan diteliti, dihursti dan dianalisa. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel. Kajian mendapati faktor penularan pandemik tidak menjelaskan proses majlis Sulh yang secara lazimnya dilaksanakan secara fizikal atau bersemuka, bahkan majlis Sulh tetap boleh dijalankan dengan lancar secara atas talian sebagaimana proses lazimnya. Perdamaian adalah jalan terbaik bagi kedua belah pihak yang bertikai demi menjaga kemaslahatan ahli keluarga yang lain khususnya anak-anak, seterusnya akan mengurangkan keskes penceranai di era pandemik.

**Kata kunci:** Amalan, Sulh, atas talian, norma baharu

### **Abstract**

*A dispute between a husband and wife is an inevitable affair in a marriage bond. The settlement of the dispute is subject to the discretion of the two parties either with closed discussions between the two parties only or before the Syariah court if no reconciliation is reached in a pre-hearing process of claim that is brought before the Suhu council. Legally, the Suhu process will be conducted within the period stipulated by the Syariah Subordinate Court and physical meetings will be held consisting of both the disputed parties and Suhu officers only. Since the Covid-19 pandemic spread worldwide in 2020, most physical activity could not conduct and replaced online activities. The Suhu council process is also not left out in the situation. Since the spread of covid-19 pandemic the Suhu council process can only be held online to safeguard the health of all parties involved in the Suhu council process. Hence, this study was carried out to review the process of sulu council process in Brunei Darussalam and Malaysia whether it runs smoothly in the new norms and achieves the objectives of the Suhu council. Qualitative and descriptive research methodology is used in this study in applying document and statistical analysis techniques. Through document analysis, data obtained from written materials will be examined, elaborated, and analyzed. Analysis is done by examining secondary data information especially writing, journals and articles. The pandemic contagion does not affect the Suhu council process which is usually carried out physically or face-to-face, even the Suhu ceremony can still be conducted online as usual. Reconciliation is the best way for both parties who are in dispute to protect the welfare of family members, especially children.*

**Keywords:** practice, Suhu, online, new norm.

**Cite as:** Nurzakiah Haji Ramlee & Nurul Hikmah Hidzam @ Muhd Bukhari. 2022. Amalan sulu dalam norma baharu di Brunei dan Malaysia [The practice of sulu in the new norm in Brunei and Malaysia]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 54-67.

## **PENGENALAN**

Hidup dalam aman dan damai merupakan tuntutan Islam ke atas kesemua makhluk Allah S.w.t (Nazri Muslim, 2011). Ia selaras dengan firman Allah Subahanahu wa Ta'aala dalam surah al Imran, ayat 103 yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (ketika jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara”.

Menurut Ikhwan Hadiyyin (2013: 13), ayat di atas telah menerangkan seruan Allah S.w.t kepada kaum Khazraj dan Aus agar tetap berpegang teguh kepada pada tali Allah iaitu terus bersatu dan hentikan pertikaian. Berdasarkan kepada peristiwa tersebut, umat Islam pada hari ini perlulah menyemai rasa kasih sayang sesama mereka agar dapat hidup dengan aman, damai, sejahtera dan penuh kebahagiaan.

Suhu merupakan salah satu metode penyelesaian pertikaian dalam hal ehwal kekeluargaan dalam agama Islam. Kaedah Suhu merupakan satu konsep penyelesaian pertikaian

di luar kamar perbicaraan mahkamah Syariah, bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di Brunei Darussalam. Secara amnya prosedur pengendalian majlis Sulh di mahkamah Syariah di Malaysia mahupun Brunei Darussalam memerlukan kehadiran pihak-pihak yang terlibat di dalam prosedur tersebut secara bersemuka iaitu kedua pihak yang bertikai dan pegawai Sulh yang dilantik.

Sejak pandemik Covid-19 menular di seluruh dunia pada awal tahun 2020, semua aktiviti formal mahupun informal secara fizikal ditangguhkan dan diganti dengan secara atas talian. Situasi ini telah menuntut seluruh dunia untuk menjalani apa jua aktiviti dalam norma baharu termasuk pengendalian majlis Sulh di mahkamah Syariah demi untuk mengutamakan aspek keselamatan pihak-pihak yang terlibat (Wan Azimin Wan Adnan, 2021).

## DEFINISI SULH

Sulh dari sudut bahasa adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu al-Sulhu dan merupakan kata nama yang berasal dari kata kerja secara menyeluruh bererti *Tasaluh wa al-Musalahah*, iaitu merupakan perdamaian setelah terjadi perselisihan (Ibn Manzur, 1994). Selain itu, ada beberapa definisi yang diberikan oleh para ilmuan bahasa mengenai Sulh ini (al-Fairuzabadi, 2005). Secara umumnya definisi-definisi yang diberikan membawa pengertian yang sama.

Ulama mazhab Hanafi mendefinisikan Sulh sebagai suatu akad yang dengannya tamat sesuatu pertikaian (Badr al-Din al-‘Aini, 2000), manakala ulama mazhab Maliki antaranya Ibn ‘Arafah mentakrifkan Sulh sebagai proses pemindahan suatu hak atau pendakwaan dengan gantian (persetujuan) untuk menyelesaikan pertikaian (Alish, 1989). Mazhab Syafi‘i mempunyai persamaan dalam mentakrifkan Sulh iaitu suatu akad yang terhasil daripada penyelesaian pertikaian (al-Syarbini, 1994; al-Bahuti, t.t).

Menurut ‘Abdullah bin ‘Abdurrahman Al-Bassam (al-Bassam, 2006) dalam kitabnya yang dipetik oleh Azfar Naufal dalam penulisannya menyatakan Al-Şulḥu secara etimologi adalah menentukan pertikaian. Oleh kerana itu, perdamaian merupakan akad yang mempunyai manfaat paling besar bagi umat Islam kerana tidak ada pihak yang tertindas, malahan kedua belah pihak dapat memperolehi hak masing-masing dalam proses perdamaian tersebut.

Sulh juga boleh dirujuk dalam erti kata lain iaitu *mediasi*. Mediasi boleh didefinisikan sebagai “proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai”. Ini bermakna mediasi merupakan ‘perundingan secara terpimpin’ (*assisted negotiation*) atau secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator (Salleh Buang, 2002).

Berdasarkan beberapa definisi Sulh dari segi bahasa dan juga istilah Syarak di atas bolehlah dirumuskan bahawa kedua aspek tersebut menuju kepada maksud yang sama iaitu kontrak yang mewujudkan persetujuan dan menghentikan perselisihan secara sukarela dan redha meredhai (Raihanah Azahari. 2005). Sulh menjurus kepada mengadakan penyelesaian antara kedua pihak yang bertikai dengan mencapai keputusan yang disepakati oleh keduanya dengan bantuan perantara yang dilantik iaitu pegawai Sulh atau mediator. Para ulama juga bersepakat menjadikan Sulh ini sebagai satu bentuk perundangan memandangkan banyak manfaatnya termasuklah menyelesaikan perselisihan dan pertikaian antara suami dan isteri.

## DALIL PENSYARIATAN SULH

Sulh secara jelas telah banyak dinukilkan di dalam al-Quran al-Karim dan hadith yang menjelaskan fungsinya membawa sesuatu pertikaian ke arah perdamaian dan keamanan.

### Sulh Menurut al-Quran al-Karim

Firman Allah Taala dalam Surah Ali Imran ayat 103 yang bermaksud: “Dan berpeganglah teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah-belah.”

Atas dasar ini, Allah Taala memperingatkan umat Islam agar sentiasa menjaga perdamaian sesama muslimin. Jika berlaku sebarang konflik dan pertikaian, umat Islam diperintahkan agar mendamaikan sesama saudaranya. Firman Allah Taala lagi dalam surah Al-Hujurat ayat 9 yang bermaksud: “Dan jika dua puak antara orang-orang beriman bertelingkah, maka damaikanlah antara keduanya.”

Selain daripada itu, ayat di atas menunjukkan pertelingkahan antara orang-orang yang beriman dapat juga dikaitkan dengan kaedah Sulh dan perdamaian dalam permasalahan rumah tangga khususnya. Sehubungan itu, setiap pasangan seharusnya mengambil cakna tentang penyelesaian konflik dalam rumah tangga agar penceraian dapat dielakkan daripada berlaku. Hal ini dijelaskan dalam Surah An-Nisa ayat 128 tentang kaedah yang patut diaplikasikan oleh pasangan sekiranya berlaku perselisihan pendapat atau konflik yang sememangnya menjadi asam garam dalam kehidupan berumah tangga. Allah Taala berfirman yang bermaksud: “Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara baik) kerana perdamaian itu lebih baik.

### Sulh Menurut Sunnah

Rasulullah SAW amat mendorong umatnya untuk mencari jalan perdamaian dan menghindari pertikaian sesama sendiri. Diriwayatkan oleh ‘Amru bin ‘Auf Al Muzani. Rasulullah SAW bersabda:

عَمْرُو بْنُ عَوْفٍ الْمُزَانِيُّ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الصُّلُحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ، إِلَّا صُلُحًا حَرَامًا لَا ، أَوْ أَحْلَ حَرَامًا، أَوْ أَحْلًا حَرَامًا، إِلَّا شُرُوطُهُمْ، إِلَّا شَرْطًا حَرَامًا لَا ، أَوْ أَحْلًا حَرَامًا»: هَذَا حَدِيثٌ حَسْنٌ صَحِحٌ (رواه الترمذی)

Ertinya: Diriwayatkan oleh ‘Amru bin ‘Auf Al Muzani menceritakan kepada kami dari ayahnya dari datuknya bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: perdamaian di antara umat Islam diharuskan kecuali perdamaian yang mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram. Dan umat Islam boleh memenuhi syarat-syarat mereka kecuali syarat yang mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram” Hadith ini adalah Hasan Shahih (Hadith riwayat At-Tirmizi).

Hadith ini menunjukkan bahawa Islam mengharuskan ummatnya mencapai perdamaian dalam segala sesuatu, selagi mana tidak bertentangan dengan syariat Islam dan keharusan memenuhi syarat-syarat yang tidak bertentangan dengan syariat dalam semua transaksi (Abdul Qadir. 2007).

### **Sulh menurut Ijmak**

Ulama Islam sepanjang zaman sependapat bahawa akad perundingan haruslah menepati hukum syarak. Ada dalil yang menunjukkan adanya kesepakatan para ulama di kalangan sahabat mengenai amalan Sulh. Saidina ‘Umar al-Khaṭṭab r.a. berkata: “Suruhlah mereka yang bertelingkah supaya duduk semeja agar mereka berunding. Jika hakim memutuskan, mereka akan saling membenci”. Saidina ‘Umar r.a. menyampaikannya di hadapan para sahabat dan tidak ada seorang pun yang membantahnya. Dengan ini mereka mencapai kata sepakat bahawa Sulh dibenarkan oleh syarak. Sulh juga dibenarkan sekiranya perkara itu melibatkan hak manusia dan tidak dibenarkan di dalam kes yang melibatkan hak Allah seperti ḥudud (Norita Kamaruddin. 2016).

### **SYARAT-SYARAT SULH MENURUT FUQAHĀ**

Menurut Sheikh Ghazali (Ghazali, 2000) yang memetik dari *Kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, syarat-syarat yang berkaitan adalah kedua belah pihak yang berdamai (al-Musalih), sesuatu yang dipertikai (al-Musalah anhu), dan syarat bagi hak yang dipertikaikan.

- (1) Pihak-pihak yang berdamai
  - (a) Orang yang layak dan sah mendermakan hartanya. Jika ia dibuat oleh orang yang tidak layak seperti orang gila atau kanak-kanak atau penjaga anak yatim atau nazir harta wakaf, maka Sulhnya tidak sah kerana ia merupakan derma, sedangkan mereka tidak memilikiya.
  - (b) Musalih yang mewakili anak di bawah umur mestilah orang yang memiliki hak tasarruf dalam hartanya, seperti bapa, nenek dan pemegang wasiat. Sulh Musalih sebegini adalah sah jika Sulh yang dibuat oleh mereka boleh mendatangkan kebaikan bagi anak yatim dan harta wakaf.
- (2) Sesuatu yang dijadikan Sulh
  - (a) Ia merupakan harta yang boleh dinilai dan dapat dibuat penyerahan atau sesuatu yang berharga. Tidak sah perdamaian dengan imbalan darah, bangkai, khamr dan barang lain yang tidak bernilai.
  - (b) Ia diketahui wujud dan tidak dipertikaikan tentang kewujudannya bagi melaksanakan penerimaan serta penyerahan.

(3) Hak yang dipertikaikan

- (a) Ia merupakan harta yang boleh dinilai atau sesuatu yang bermanfaat, seperti harta sepencarian melibatkan hartanah (Wan Azimin, 2021), melanggar janji untuk berkahwin/bertunang, tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti mutaah, nafkah Iddah, harta sepencarian, hutang maskahwin, hadhanah (jagaan anak), tuntutan nafkah anak, dan permohonan perlaksanaan perintah mahkamah. Tuntutan nafkah kepada pihak tak upaya, tuntutan hak tempat tinggal, tuntutan isteri kembali taat, tuntutan perintah supaya suami tinggal bersama semula (Prosedur Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah, Arahan Amalan Mahkamah Syariah No.1 2010).
- (b) Ia merupakan hak seseorang yang harus ditukar ganti sekalipun bukan berbentuk harta seperti Qisas.
- (c) Hak Allah tidak sah untuk dijadikan Sulh seperti had zina dan minum arak.

Majlis Sulh hendaklah dilaksanakan dengan menepati syarat yang tersebut di atas. Ia diadakan dengan kesepakatan kedua belah pihak dan tidak boleh diubah tanpa persetujuan keduanya dan tidak boleh didengar dakwaan yang menuntut buat kali kedua. Namun demikian penyelesaian yang dibuat di Majlis Sulh boleh dibawa ke mahkamah Syariah jika terdapat ketidaktulusan, penipuan, dan sebagainya yang mengakibatkan ketidakadilan kepada sesuatu pihak.

Berdasarkan kepada syarat-syarat Sulh menurut fuqaha di atas, Sulh dapat mencapai beberapa objektif penting iaitu dapat menegakkan keadilan dan mencapai penyelesaian antara kedua pihak yang bertikai terhadap suatu kes tuntutan atau permohonan menghadiri satu proses perbincangan di dalam satu majlis perbincangan secara rasmi yang diatur oleh pegawai Sulh. Selain itu juga, dapat menjimatkan kos dan masa pihak yang betikai. Bertepatan dengan konsep majlis Sulh adalah suatu perundingan, menampakkan sifat terpimpin dan bukannya dominasi sebelah pihak. Dan yang penting penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredaan) bukannya melepaskan dendam (Hammad Mohamad Dahlan, 2014).

## **KAEDAH SULH SECARA PRAKTIKAL**

Kaedah Sulh boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Ini termasuk runding cara atau kaunseling rumah tangga, Hakam dan Jawatankuasa Pendamai dalam isu *syiqaq* atau perbalahan dalam masalah rumah tangga dan Majlis Sulh atau Mediasi. Majlis Sulh boleh dihadiri oleh pihak-pihak tersebut sendiri atau turut dihadiri oleh peguam syarie (Ibn Abidin, 2003). Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah kuasa Mahkamah Syariah. Kaedah pelaksanaan majlis sulh di Brunei dan Malaysia akan dijelaskan secara terperinci dalam sub tajuk akan datang (Siti Noraini *et. al.*, 2008).

## METODE KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif yang mengguna pakai teknik analisa dokumen dan statistik. Dokumen yang diguna pakai dalam kajian ini terdiri daripada artikel-artikel yang menerangkan elemen yang berkaitan dengan konsep dan aplikasi Suhu menerusi peristiwa-peristiwa lampau yang berlaku sepanjang sirah Nabi Muhammad S.a.w dan para sahabat, pelaksanaan Suhu dalam kes-kes berupa tuntutan hak atau permohonan perlaksanaan perintah mahkamah di mahkamah Syariah.

Kajian ini juga menganalisis statistik pendaftaran kes Suhu yang direkodkan di mahkamah Syariah di Malaysia dan Brunei Darussalam. Tujuan analisis ini dilaksanakan adalah untuk meninjau pola jumlah pendaftaran kes Suhu dari sekitar lima tahun kebelakangan. Signifikan pemilihan tempoh tersebut adalah berikutan penularan pandemik *Coronavirus* pada awal tahun 2020. Manakala pada tahun-tahun sebelumnya perlaksanaan majlis Suhu secara bersemuka di mahkamah-mahkamah Syariah berjalan seperti lazimnya.

## ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada tahun 2002, pola penyelesaian majlis Suhu telah menunjukkan kesan yang positif yang menyaksikan pelaksanaan prosedur Suhu mengurangkan 65% kes di mahkamah Syariah Selangor semenjak dimulakan perlaksanaannya pada tahun 2001 (Azfar Naufal, 2019). Faktor utama impak positif jumlah kes yang telah selesai melalui prosedur Suhu banyak bergantung kepada sikap dan keterbukaan pihak-pihak yang terlibat di dalam prosedur tersebut (Syafiq, 2018).

Berdasarkan kajian di atas boleh disimpulkan bahawa keberkesanan perlaksanaan majlis Suhu adalah terbukti dalam menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan seperti mana yang termaktub dalam Amalan Arahan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di samping mendorong kepada faktor meringankan beban para hakim mahkamah Syariah. Antara lain juga menunjukkan proses Suhu merupakan proses penyelesaian yang efektif mana membolehkan pihak yang bertikai menuntut hak masing-masing tanpa ada kerugian antara kedua belah pihak (*win-win situation*).

Jadual 1: Statistik Suhu Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam 2018-2020

	2018	2019	2020	Jumlah
Brunei Muara	72	85	65	222
Belait	11	6	14	31
Tutong	2	4	7	13
Temburong	0	0	4	4
Jumlah	85	95	90	270

Sumber: Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam

Jadual di atas menunjukkan bahawa keseluruhan jumlah pendaftaran kes Suhu di mahkamah Syariah di seluruh negara Brunei Darussalam meningkat pada tahun 2019 iaitu

penambahan sebanyak 13 kes Suhu telah didaftarkan berbanding pada tahun 2018 iaitu sebanyak 72 kes telah didaftarkan. Akan tetapi jumlah tersebut sedikit menurun pada tahun 2020 memandangkan bermulanya penularan pandemik Covid-19 di Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020 (Laman Sesawang Rasmi Kementerian Kesihatan Brunei, 2020).

Jadual 2: Statistik Pendaftaran Mahkamah Syariah 2013-2017

Negeri	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Johor	259	188	342	296	539	1,624
Kedah	191	249	506	447	615	2,008
Kelantan	199	237	346	427	340	1,549
Melaka	513	371	443	503	639	2,469
Negeri Sembilan	1,077	1,202	1,325	1,423	1,457	6,484
Pahang	166	358	511	550	501	2,086
Perak	257	588	478	698	801	2,822
Perlis	111	187	219	228	236	981
Pulau Pinang	303	389	323	421	319	1,755
Sabah	668	787	736	819	623	3,633
Sarawak	0	39	101	207	316	663
Selangor	2,118	2,467	2,644	2,984	3,440	13,653
Terengganu	1,141	1,221	1,289	1,134	954	5,739
Kuala Lumpur	1084	1206	1216	1584	1599	6,689

Sumber: Portal Data Terbuka Sektor Awam Malaysia

Jadual di atas menunjukkan bahawa semua negeri kecuali Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Terengganu telah menunjukkan peningkatan jumlah pendaftaran kes Suhu secara konsisten selama lima (5) tahun berturut-turut (penulis tidak menemui statistik kes Suhu di seluruh Mahkamah Syariah semasa dan setelah berlakunya pandemik sehingga artikel ini diterbitkan).

Berdasarkan kepada jadual di atas dapat dirumuskan bahawa peningkatan pendaftaran prosedur Suhu menunjukkan pihak yang bertikai lebih cenderung memilih prosedur tersebut daripada menghadapkan kes ke mahkamah Syariah bagi melalui proses perbicaraan. Ini menunjukkan bahawa majlis Suhu merupakan prosedur yang efektif dalam menyelesaikan pertikaian antara dua pihak yang terlibat.

### **Prosedur Suhu secara atas talian di Mahkamah Syariah Malaysia**

Pelaksanaan Suhu yang berada di bawah struktur dan pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang statutori dan peraturan-peraturan khusus seperti Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Suhu), Arahan-Arahan Amalan, Manual Kerja Suhu, Kod Etika Pegawai Suhu dan sebagainya mengikut negeri masing-masing (Wan Azimin *et al*, 2019).

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan inisiatif program muhakat Suhu (simulasi Sulh) secara bersiri dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah setiap negeri (Laman facebook rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia). Sebanyak lima (5) siri program munakahat Sulh telah diadakan bermula daripada perasmian program muhakat Sulh yang dirasmikan oleh Yang Amat Arif Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim Mokhtar, Ketua Hakim Syar'ie/Ketua Pengarah JKSM pada 27 Julai 2021M. Antara mahkamah Syariah negeri di Malaysia yang telah mengambil bahagian dalam program mukahat Sulh secara atas talian ini ialah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka, Negeri Sarawak, Negeri Terengganu dan Negeri Sembilan.

Program ini telah mengetengahkan beberapa tajuk perbincangan mengenai kes-kes berkenaan dengan cerai, hakam dan rundingcara bahagian sokongan keluarga (BSK) yang boleh diselesaikan dengan perantaraan majlis Sulh. Antara tujuan program ini diadakan ialah mengenalpasti perjalanan kes-kes Sulh yang dijalankan di mahkamah Syariah dijadikan sebagai ‘*role play*’ atau simulasi dalam konteks kes di mahkamah Syariah (Laman facebook rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia).

Secara amnya, prosedur majlis Sulh yang dilaksanakan secara atas talian masih mengekalkan dasar prosedur yang dilaksanakan secara fizikal. Semasa majlis Sulh secara atas talian dilaksanakan, pihak-pihak yang terlibat akan ditempatkan di dalam sebuah bilik perbincangan khusus secara maya yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak unit Sulh yang berkenaan demi menjaga kerahsiaan semasa sesi majlis Sulh diadakan.

Jadual 3: Pendaftaran kes Sulh di mahkamah Syariah Negeri Pahang tahun 2019

Nama Mahkamah	Daftar	Selesai - Berjaya	Selesai - Gagal	Selesai - Tidak Hadir	Jumlah Selesai	Dalam Prosidin g
Mahkamah Tinggi Syariah Bentong	85	23	12	49	84	1
Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan	165	46	33	86	165	0
MRS Daerah Bentong	4	1	0	3	4	0
MRS Daerah Bera	5	0	0	5	5	0
MRS Daerah Chenor	4	1	3	0	4	0
MRS Daerah Jerantut	11	1	3	7	11	0
MRS Daerah Kuantan	51	11	19	21	51	0
MRS Daerah Maran	10	3	4	3	10	0
MRS Daerah Muadzam Shah	3	1	0	2	3	0
MRS Daerah Pekan	20	8	4	8	20	0
MRS Daerah Raub	5	1	0	4	5	0

MRS Daerah Rompin	2	1	0	1	2	0
MRS Daerah Temerloh	26	11	7	8	26	0
MRS Kuala Lipis	8	0	1	7	8	0
Jumlah	399	108	86	204	398	1

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang

Jadual 4: Pendaftaran kes Sulh di mahkamah Syariah Negeri Pahang

BIL	Mahkamah Tinggi Syariah	Mahkamah Tinggi Syariah				Dalam Prosiding
		Daftar	Selesai – Berjaya	Selesai – Gagal	Selesai – Tidak Hadir	
1	Mahkamah Tinggi Syariah Pahang	78	16	14	33	15
2	Mahkamah Tinggi Syariah Bentong	33	9	30	20	1
3	Mahkamah Tinggi Syariah Temerloh	18	1	2	1	12
Mahkamah Rendah Syariah						
1	Mahkamah Rendah Syariah Kuantan	28	5	14	6	3
2	Mahkamah Rendah Syariah Pekan	5	1	0	3	1
3	Mahkamah Rendah Syariah Rompin	0	0	0	0	0
4	Mahkamah Rendah Syariah Muadzam Shah	0	0	0	0	0
5	Mahkamah Rendah Syariah Maran	6	0	1	0	5
6	Mahkamah Rendah Syariah Chenor	0	0	0	0	0
7	Mahkamah Rendah Syariah Temerloh	6	0	0	6	0

8	Mahkamah Rendah Syariah Bera	0	0	0	0	0
9	Mahkamah Rendah Syariah Jerantut	7	1	0	5	1
10	Mahkamah Rendah Syariah Bentong	3	0	0	3	0
11	Mahkamah Rendah Syariah Raub	7	1	0	0	0
12	Mahkamah Rendah Syariah Lipis	6	5	1	0	0
13	Mahkamah Rendah Syariah Cameron Highlands	0	0	0	0	0

Data dijana dari: 1 Januari 2020 himgga 31 Julai 2020

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang

Jadual di atas menunjukkan pada tahun 2020 pendaftaran kes Suhu di negeri Pahang masih diteruskan walaupun berdepan dengan penularan wabak Covid-19.

Situasi perkembangan pandemik Coronavirus yang melanda dunia secara meluas pada awal tahun 2020 telah membawa kepada norma baharu di dalam kehidupan termasuk dalam pengendalian mediasi atau sulu di mahkamah dengan mengutamakan aspek keselamatan. Sehubungan dengan itu satu garis panduan yang seragam menjadi satu keperluan bagi mengadakan sesi sulu secara dalam talian yang mematuhi SOP yang digariskan. Tatacara pengendalian sulu ini bermula dengan pihak-pihak membuat permohonan untuk menghadiri sesi sulu dengan mengisi borang di atas talian menggunakan email rasmi Mahkamah Syariah yang berkaitan. Pemakluman tentang kelulusan, tarikh sulu yang ditetapkan turut dan syarat-syarat bagi menghadiri sesi sulu tersebut dibuat melalui emel. Majlis sulu disyaratkan diadakan di dalam bilik yang tiada orang lain selain pihak berkenaan sahaja dengan berpakaian sopan dan menutup aurat. Kata kunci khusus diberikan kepada pihak yang terlibat bagi membolehkan mereka menghadiri majlis Sulu yang diadakan dengan menggunakan aplikasi Skype atau Zoom (Lim Chong Fong, 2020).

Usaha perlaksanaan sesi Sulu secara atas talian seharusnya diteruskan kerana tidak bertentangan dengan mana-mana syarat Sulu menurut fuqaha. Dari pengamatan penulis, proses sesi Sulu secara atas talian tidak menjaskan keaslian perjalanan majlis Sulu yang dilaksanakan secara fizikal. Pegawai Sulu yang dilantik akan memastikan tatacara pengendalian sesi Sulu secara atas talian berjalan dengan lancar dan yang paling penting menegakkan keadilan bagi pihak yang bertikai.

Bagi perundingan sulu yang berjaya, satu tarikh khusus akan disediakan kepada pihak-pihak untuk hadir ke mahkamah bagi menandatangani perjanjian penyelesaian yang telah dipersetujui dan prosiding pengesahan di hadapan hakim. Manakala bagi kes sulu yang tidak berjaya akan diberikan tarikh untuk sebutan di hadapan hakim bagi maksud perbicaraan.

### **Prosedur Sulu secara atas talian di Mahkamah Syariah Brunei Darussalam**

Majlis Sulu di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan berpandukan Aturan-Aturan Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah (Sulu), 2013 (Laman sesawangan rasmi Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam. Tarikh akses: 25 April 2022). Prosedur perlaksanaan sesi Sulu di mahkamah Syariah Brunei Darussalam bermula dari pendaftaran kes Sulu di mahkamah Syariah Brunei Darussalam dan berakhir sehingga kes tersebut selesai dengan tercapainya keputusan yang dipersetujui oleh kedua pihak yang bertikai atau selesai dengan diadakan perbicaraan di mahkamah sekiranya tiada penyelesaian dicapai melalui majlis Sulu (Hajah Zurainah, 2021).

Hasil wawancara bersama Puan Hajah Zurainah Pengurus Sulu di mahkamah Syariah di daerah Brunei Muara, Brunei Darussalam menjelaskan, ketika penularan gelombang kedua wabak Covid-19 di Brunei Darussalam pada bulan Ogos tahun 2021, majlis Sulu ditangguhkan begitu juga dengan kes-kes yang dibicarakan di mahkamah Syariah atas arahan daripada pihak Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam di samping menjaga keselamatan pihak yang bertikai. Tiada rekod menyatakan bahawa majlis Sulu di Negara Brunei Darussalam diadakan secara atas talian sepanjang tempoh penularan gelombang kedua wabak Covid-19.

### **Perlaksanaan majlis Sulu secara atas talian bertepatan dengan Maqasid Syariah**

Pensyariatan majlis Sulu yang bersumber daripada al-Quran dan Sunnah mencerminkan maqasid Syariah terdiri daripada menjaga agama dalam peringkat hajiyyat, iaitu melaksanakan ketentuan agama dengan maksud menghindari kemudaratian iaitu memelihara hak yang bertikai. Sulu merupakan jalan alternatif bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara kedua pihak yang bertikai selain daripada menjalani sesi perbicaraan di mahkamah Syariah. Perlaksanaan majlis Sulu secara atas talian menepati maqasid Syariah dari aspek penjagaan nyawa. Perlaksanaan majlis Sulu secara atas talian didapati menepati maqasid Syariah dari aspek penjagaan nyawa kerana pihak-pihak yang terlibat dalam majlis Sulu tidak akan berkumpul secara fizikal demi menjaga kemaslahatan kesihatan masing-masing bagi menghindari daripada jangkitan wabak Covid-19.

### **KESIMPULAN**

Kaedah Sulu merupakan alternatif kepada kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Berdasarkan kepada perbincangan mengenai prosedur Sulu yang dilaksanakan secara atas talian di mahkamah Syariah di Malaysia (Mahkamah Syariah di Pahang) sewaktu penularan wabak Covid-19 di atas, jelas terbukti objektif perlaksanaan majlis Sulu secara atas talian tercapai sepertimana objektif majlis Sulu secara fizikal.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir Syaibah al-Hamad. (2007). *Fiqhul Islam Syarah Bulughul Maram*. Jilid 5. Jakarta: Darull Haq. Hlmn: 310-311.
- Alish, Muhammad bin Ahmad. (1989). *Manh al-Jalil Syarh Mukhtasar Khalil*. Jilid 6. Beirut: Dar al-Fikr. Hlmn: 135.
- Azfar Naufal bin Saiful Nizzam. (2019). *Efektivitas Majelis Suhu Dalam Memediasi Pertikaian Keluarga di Mahkamah Syariah Selangor*. Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Negeri ar-Raniry Banda Aceh.
- Badr al-Din al-‘Aini, Mahmud bin Ahmad bin Musa. (2000). *Al-Binayah Syarh al-Hidayah*. Jilid 10. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Hlmn: 3
- al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Salahuddin. (t.t). *Kasyaf al-Qana ‘An Matn al-Iqna’*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Hlmn: 390
- al-Bassam, Abdullah bin Abdurrahman. (2006). *Syarah Bulugh al-Maram*. Jilid 4, Jakarta: Pustaka Azzam. Hlmn 529.
- al-Fairuzabadi, Muhamamd bin Yakub. (2005). *Al-Qamus al-Muhith*. Jilid 1. Maktab Tahqiq al-Turath fi Muassasat al-Risalah (Ed.). Beirut: Muassassat al-Risalah. Hlmn: 229.
- Hammad Mohamad Dahalan, (2014). *Pengurusan Suhu: Peranan, Pelaksanaan Dan Keberkesanannya oleh Pegawai Suhu*, (IRMIC no 81), Malaysia: Kuis, hlm. 565
- Ibn Abdin, Muhammad Amin ibn Umar. (1966). *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Muktar*. Jilid 8. Beirut: Dal -al-Kutub al-Ilmiyyh. Cetakan Khas. Hlmn: 407.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin Ali. (1994). *Lisan al-Arab*. Jilid 2. Beirut: Dar Sadir. Hlmn: 517
- Laman Sesawang Rasmi Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam melaporkan mengenai kes pertama Covid-19 di Negara Brunei Darussalam bertarikh 9 Mac 2020. Dirujuk pada 21/11/2021
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, Ahmad Hidayat Buang. (2011). *Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kajian Malaysia, Jilid 29, No. 1, hlmn: 3.
- Norita Kamaruddin. (2016). *Konsep Suhu menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya Dalam Mahkamah Syariah di Malaysia*. (IRSYAD NO 1002). Malaysia: KUIS. Hlmn: 31.
- Ikhwan Hadiyyin. (2017). *Konsep Pendidikan Ukhwah: Analisa Ayat-Ayat Ukhwah Dalam al-Quran*. *Jurnal al-Qalam*. Jilid 34, No.2. hlmn: 13.
- Pembentangan Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Dato Lim Chong Fong dalam AIAC-CMC Webinar – Judiciary and ADR – Embracing Mediation for Justice Post Covid -19 pada 27 Jun 2020, 5.30 petang
- Raihanah Azahari, (2005). *Suhu dalam Perundangan Islam*, Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari 2005, hlm 4.
- Salleh Buang, (2002). Kertas Kerja Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan, 22-24 April 2002, Hotel Quality, Shah Alam, hlmn 2.
- Siti Noraini dan Zulkifli Hasan. (2008). *Perlaksanaan Suhu dan Keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor*.
- Sheik Ghazali Abdul Rahman. (2000). *Suhu Dalam Perundangan Islam*. Jurnal Undang-Undang IKIM. Jilid 4 No.2, Hlmn: 11-12.

- al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). Jilid 3. *Mughniy al-Muhtaj Ila Ma 'rifat Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Hlmn 161.
- Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang. (2021). *Pelaksanaan Suh Dalam Kes Tuntutan Harta Sepencarian Melibatkan Hartanah di Mahkamah Syariah Malaysia: Satu Analisis*. Malaysian Journal of Syariah and Law. Hlmn: 137.
- Wan Azimin Adnan dan Ahmad Hidayat Buang (2019). *Pelaksanaan Suh dalam Kes melibatkan tuntutan Hartanah Orang-Orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia: Tinjauan Terhadap Kajian Lepas*, Journal of Shariah Law Research (2019) Vol (1) 27-54.
- Wawancara bersama Tuan Syafiq pegawai Suh dan Hakim Mahkamah Syariah.
- Wawancara bersama Puan Hajah Zurainah binti DSS Haji Abdul Rahman, Penggerusi Suh di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam pada 20 November 2021M.